

Bendahari

Persaingan Sengit Dalam Arus Globalisasi & Konsolidasi

MK : Assalamualaikum w.b.t syukur Alhamdulillah dan ucapan ribuan terima kasih daripada MyKUKUM di atas kesudian Tuan Haji Ayob melapangkan masa bersama kami. Bolehkah Tuan Haji menjelaskan serba sedikit tentang peranan Jabatan Bendahari dan fungsinya dalam institusi KUKUM ini?

Tn. Haji Ayob : Waalaikumusalam w.b.t, terima kasih. Jabatan Bendahari merupakan salah satu Jabatan sokongan yang terpenting di KUKUM. Jabatan Bendahari adalah bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan dari aspek kewangan kepada KUKUM. Tanggungjawab utama jabatan ini ialah untuk mengawal dan mengurus kewangan KUKUM dengan lebih efisien dan kemas supaya program dan aktiviti KUKUM dapat berjalan dengan lancar. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini Jabatan Bendahari di bahagikan kepada tiga unit iaitu:-

i) UNIT PEMBAYARAN

Di antara aktiviti-aktiviti yang diuruskan ialah pembayaran gaji dan elaun, pembayaran invois dan tuntutan perjalanan dan pembayaran wang runcit.

ii) UNIT HASIL/AKAUN

Di antara aktiviti-aktiviti yang diuruskan ialah pelbagai terimaan wang, urusan bank, pengurusan Akaun Siberhutang dan penyediaan Akaun Penamat.

iii) UNIT PENGURUSAN KEWANGAN

Di antara aktiviti-aktiviti yang diuruskan ialah penyediaan belanjawan, pengurusan sebutharga dan tender dan pengambilan insurans.

MK : Setelah setahun lebih Jabatan Bendahari ini beroperasi mentadbir dan mengurus sistem kewangan KUKUM, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi Tuan Haji sebagai Bendahari dalam mentadbir sebuah jabatan yang sangat penting bagi menjana kemajuan KUKUM?

Tn. Hj Ayob : Jabatan Bendahari mula beroperasi pada bulan Mei 2002. Bagaimanapun oleh sebab KUKUM belum diwartakan pada tahun itu, maka KUKUM tidak dibenarkan membuka akaun bank sendiri. Justeru itu Kementerian Pendidikan telah mengarahkan Universiti Sains Malaysia membantu KUKUM di dalam menguruskan pembayaran dan hal-hal lain berkaitan dengan kewangan.

Setelah diwartakan di dalam tahun 2003, Jabatan Bendahari mula beroperasi dengan membuka akaun bank sendiri. Pada peringkat awal saya mempunyai masalah di dalam membangunkan Jabatan Bendahari kerana kebanyakan daripada staf yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dalam mengurus kewangan sebuah universiti. Langkah pertama yang saya lakukan ialah menyediakan satu struktur organisasi Jabatan Bendahari yang mengandungi tiga unit.

Di samping itu saya juga menyediakan skop tugas yang terperinci untuk tiap-tiap staf. Pada masa yang sama Sistem Kewangan dan Perakaunan telah dibangunkan. Saya membangunkan sistem secara 'manual' untuk mengendalikan kewangan KUKUM walaupun pada hakikatnya sistem ini mempunyai kelemahan sendiri.

Di dalam kita mengendalikan pengurusan kewangan KUKUM kita perlu mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada masa yang sama saya terpaksa menggubal peraturan-peraturan kewangan dan prosedur-prosedur kerja untuk Jabatan Bendahari. Semua staf perlu di maklumkan tentang perkara ini. Walaubagaimanapun pada masa yang sama saya terpaksa memastikan program dan aktiviti KUKUM dapat berjalan dengan lancar supaya objektif dan matlamat KUKUM tidak terjejas.



Temubual Eksklusif wakil MyKUKUM bersama Bendahari. Ikuti saranan serta harapan Tn. Hj. Ayob Ismail untuk memantap serta menyediakan KUKUM dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Oleh : Noor Asliza Abdul Rahim

MK : *Apakah matlamat jangka masa panjang yang telah direncanakan oleh Jabatan Bendahari bagi menjamin sistem pentadbiran dan pengurusan Kewangan KUKUM mencapai kegemilangan?*

Tn. Hj Ayob : Beban kerja kewangan di Jabatan Bendahari akan bertambah dari setahun ke setahun. Oleh itu kita tidak lagi boleh bergantung kepada sistem kewangan yang sedia ada. Dalam merencanakan matlamat untuk jangka panjang kita telah berusaha untuk menukarkan Sistem Kewangan 'manual' kepada Sistem Kewangan dan Perakaunan secara berkomputer. Adalah dijangkakan sistem baru ini boleh mula beroperasi selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Adalah diharapkan dengan wujudnya sistem baru ini urusan kewangan dapat dikendalikan dengan cepat dan tepat. Matlamat kita ialah untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti dari segi kewangan supaya memuaskan semua pelanggan Jabatan Bendahari khususnya dan KUKUM amnya. Seperkara lagi yang kita akan tekankan sebagai rancangan masa panjang ialah untuk memantapkan pengurusan kakitangan jabatan Bendahari sendiri. Kita akan berusaha untuk meningkatkan pengurusan yang berkualiti. Konsep kualiti akan dihebahkan kepada semua staf. Kita akan memperbaiki sistem-sistem dan prosedur-prosedur kerja yang sedia ada. Pembangunan pegawai-pegawai dan staf melalui latihan dan kursus akan dirangkaikan. Sistem pengiktirafan insentif dan penilaian prestasi yang mengiktiraf staf-staf yang cemerlang akan dipertingkatkan. Pada masa yang sama kita akan mendisiplinkan mereka yang sentiasa dibawah tahap prestasi yang kurang memuaskan.

MK : *Bagi menyahut cabaran kerajaan mengenai polisi globalisasi dan konsolidasi (pengukuhan) sistem pendidikan tinggi kini, bagaimanakah Tuan Haji melihat peluang dan masa depan KUKUM untuk berkembang dengan lebih jauh. Apakah pelan strategik perancangan Jabatan Bendahari untuk membangunkan KUKUM sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia?*

Tn. Haji Ayob : Dalam arus globalisasi dan konsolidasi (pengukuhan) sistem pendidikan kini menghadapi saingan sengit diperingkat antarabangsa. Namun demikian saingan ini dapat diatasi seandainya tenaga mahir yang dihasilkan oleh institusi-institusi seperti KUKUM terus dilahirkan. KUKUM juga boleh setanding dengan universiti-universiti lain sama ada di dalam atau luar negeri jika dapat mengeluarkan graduan-graduan yang berkualiti dan menghasilkan penyelidikan-penyelidikan yang bertaraf antarabangsa.

Jabatan Bendahari juga boleh membantu KUKUM untuk membangun sebagai sebuah pusat pendidikan bertaraf dunia bersama-sama dengan jabatan sokongan lain. Mungkin Jabatan Bendahari tidak boleh melahirkan penelidik-penyelidik. Apa yang Jabatan Bendahari boleh lakukan ialah dengan mengubal rancangan yang lebih strategik dan berkualiti.

Jabatan Bendahari mempunyai perancangan untuk membangunkan satu sistem pengurusan kewangan dan perakaunan secara berkomputer untuk membolehkan sistem kewangan berjalan dengan lebih efisien. Data-data kewangan berhubung dengan projek penyelidikan boleh dibekalkan dengan

lebih tepat dan cepat. Jabatan ini juga akan cuba memantapkan sistem aliran dan proses kerja yang lebih mudah dan tidak banyak halangan. Sistem-sistem kerja akan lebih berorientasikan pelanggan sama ada pelanggan luaran atau pelanggan dalaman. Setiap perkhidmatan atau keluaran yang dihasilkan akan memenuhi kehendak pelanggan masing-masing supaya kepuasan hati mereka terjamin.

MK : *Penambahan bilangan staf pentadbiran kini dilihat dapat melicinkan lagi perjalanan sistem pentadbiran KUKUM. Sebagai Ketua Jabatan, apakah pandangan Tuan Haji terhadap staf pentadbiran yang ada kini? Dan bagaimanakah Tuan Haji melihat akan komitmen dan prestasi mereka dalam menjalankan tugas?*

Tn. Haji Ayob : Pada hakikatnya perjalanan sistem pentadbiran KUKUM bergantung kepada staf pentadbiran. Ini bermakna jika bilangan staf bertambah maka lagi licin perjalanan sistem pentadbiran. Tetapi pada pandangan saya kelincinan perjalanan sistem pentadbiran KUKUM bukan sahaja bergantung kepada faktor bilangan staf yang ada.



Bagi saya faktor yang terpenting ialah sikap yang ada pada staf itu sendiri. Staf yang rajin dan komited dan berdisiplin tinggi boleh memberi impak yang lebih efektif kepada perjalanan sistem pentadbiran. Di samping itu staf berkenaan hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan yang terkini di dalam pelbagai bidang seperti ICT.

Ini dapat membantu mereka menjadi staf yang cemerlang dan juga boleh memberi mereka semangat untuk memantapkan dan meningkatkan prestasi mereka. Jabatan Bendahari mempunyai staf yang bersemangat tinggi dan komited di dalam menjalankan tugas masing-masing. Tetapi mereka ini kurang berpengalaman. Mereka harus diberi pendedahan yang lebih tentang sistem-sistem kerja yang terkini. Mereka juga harus dihantar mengikuti kursus-kursus dan seminar yang berkaitan. Bimbingan dan tunjuk ajar yang sempurna hendaklah diteruskan.

MK : *Apakah pendekatan dan penambahbaikan yang telah dan bakal diguna pakai oleh Tuan Haji sendiri bagi menjana staf yang berkualiti, telus dan cemerlang khususnya di Jabatan Bendahari bagi menjamin wujud ciri-ciri ketelusan dan akauntabiliti di dalam menjana pentadbirannya?*

Tn. Haji Ayob : Kakitangan merupakan sumber penting kepada satu-satu sistem pentadbiran di samping sumber-sumber

lain seperti alat-alatan dan sebagainya. Bagaimanapun mereka ini mempunyai perasaan dan emosi. Di samping itu mereka mempunyai sikap dan kreativiti yang berbeza. Justeru itu kakitangan harus didampingi dan saya perlu menggunakan pendekatan secara bimbingan. Perbincangan berterusan harus diadakan. Masalah mereka harus didengar dan buah fikiran mereka boleh diterima pakai jika didapati baik.

Disamping itu kita harus menyediakan skop kerja yang jelas dan mereka harus diberitahu tentang 'expectation' KUKUM. Peraturan-peraturan yang sedia ada harus dimaklumi. Pembangunan pegawai-pegawai dan staf melalui latihan dan kursus akan dirangkaikan. Pengiktirafan staf-staf yang cemerlang akan disediakan. Jabatan Bendahari akan berusaha untuk mengemaskini pengetahuan pegawai dan staf dengan kemahiran ICT.

MK : *Dalam sebuah organisasi, kemantapan sistem pentadbiran kewangan amat dititikberatkan, jadi bagaimanakah Tuan Haji melihat akan ketelusan dan kemantapan yang ada pada Jabatan Bendahari khususnya untuk membantu menjana kecemerlangan sistem akademik di KUKUM ini?*

kewangan untuk keperluan pusat pengajian, jabatan dan projek-projek penyelidikan akan dapat dibekal dengan cepat dan tepat.

MK : *Sebagai sebuah universiti yang paling muda apakah kelebihan dan kekuatan yang Tuan Haji rasakan perlu ada bagi KUKUM untuk membangunkan sebuah universiti agar setaraf dengan universiti konvensional yang lain?*

Tn. Haji Ayob : Di dalam kita menilai kejayaan sesebuah universiti, kita akan melihat dari segi kualiti produknya iaitu graduan-graduan yang dihasilkan. Oleh yang demikian kita harus memberi tumpuan yang lebih di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Kita harus merencanakan program pengajaran yang kemas dan tersusun yang boleh mendapat tarikan kepada bakal-bakal siswa dan siswi.

Bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, kita perlu mewajibkan semua tenaga pengajar menjalani kursus pengajaran berkesan yang diadakan secara berterusan. Di samping itu kita hendaklah menyediakan kemudahan makmal yang cukup dan setanding dengan peralatan yang sedia ada diindustri. KUKUM perlu menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk tujuan ini. Pada masa yang sama, kerja-kerja penyelidikan haruslah diperkembangkan. KUKUM perlu menyediakan insentif yang menarik bagi menggalakan penyelidikan dalam kalangan staf akademik. Peruntukan kewangan yang secukupnya perlu disediakan.

...Jabatan Bendahari mempunyai perancangan untuk membangunkan satu sistem pengurusan kewangan dan perakaunan secara berkomputer ...

Pelajar-pelajar perlu dilengkapkan dengan persiapan yang seimbang dan memenuhi kehendak industri. Pelajar-pelajar juga harus diberi peluang untuk aktif dalam aktiviti persatuan dan aktiviti yang ada hubung kait dengan masyarakat.

MK : *Akhir sekali apakah harapan Tuan Haji terhadap warga KUKUM seluruhnya?*

Tn. Haji Ayob : Pada hakikatnya bukanlah senang untuk membangunkan sebuah universiti. Perkembangan sebuah universiti seperti KUKUM bergantung kepada banyak faktor. Bagaimanapun faktor utama yang membantu kejayaan KUKUM supaya dapat setanding dengan universiti-universiti lain samada di dalam atau di luar negeri banyak bergantung kepada kakitangannya sendiri samada staf pengurusan, staf akademik atau staf sokongan. Masing-masing mempunyai tanggungjawab yang tersendiri. Tidak ada kelebihan dari segi pentingnya tanggungjawab-tanggungjawab tersebut. Staf di semua peringkat haruslah memainkan peranan masing-masing dengan lebih komited. Jika ini menjadi kenyataan, maka tidak mustahil misi dan visi KUKUM akan dapat direalisasikan dengan lebih awal. Tidak ada jalan singkat untuk membangun sebuah universiti. Banyak cabaran dan rintangan harus dilalui. Namun demikian harapan boleh menjadi kenyataan jika semua warga KUKUM bertekad untuk sama-sama merealisasikan hasrat ini.